

**Najib: Malaysia Dahului Negara Lain Di Rantau Ini Sokong Pencahayaan Bersih**  
**Bernama**  
**07 November, 2012**

GEORGE TOWN, 7 Nov (Bernama) -- Malaysia mendahului negara-negara lain di rantau ini dalam menyokong pencahayaan bersih, kata Perdana Menteri Datuk Seri Najib Tun Razak.

Dengan mengambil contoh laporan Bangsa-bangsa Bersatu, beliau berkata yang Malaysia adalah satu-satunya daripada 10 negara Asean dan antara di Asia yang telah membuat perkembangan ke hadapan dalam menyokong pencahayaan bersih.

"Kita telahpun mengharamkan mentol-mentol lampu yang membazirkan. Dalam tempoh dua tahun, kita akan secara berperingkat menghapuskan baki penggunaan mentol-mentol berpijar, sekali gus membantu pengguna Malaysia membuat pilihan yang lebih hijau," kata beliau pada majlis perasmian kemudahan pengeluaran diod pemancar cahaya (LED) berkuasa tinggi yang kedua Philips Lumileds di Bayan Lepas di sini Rabu.

Teks ucapannya dibaca oleh Menteri di Jabatan Perdana Menteri Tan Sri Nor Mohamed Yakcop.

Najib berkata Malaysia telah memperkenalkan insentif fiskal untuk syarikat-syarikat yang menghasilkan produk pencahayaan yang cekap dari segi penggunaan kos di dalam negara dan insentif cukai untuk syarikat-syarikat yang membelinya.

"Peluasan Philips Lumileds telah dikenal pasti sebagai antara projek utama dalam program transformasi ekonomi kerajaan. Ia mencerminkan komitmen kita untuk memastikan pertumbuhan ekonomi kukuh Malaysia terus mampan kerana kita berhasrat mengurangkan pelepasan karbon sebanyak 40 peratus menjelang akhir dekad ini.

"Dan dengan siapnya peluasannya hari ini, ia menandakan keyakinan, bukan sahaja dalam rancangan kita untuk menjadikan Malaysia ekonomi maju menjelang 2020, tetapi juga mutu tinggi tenaga kerja kita," kata beliau.

Perdana Menteri berkata Philips sememangnya rakan perniagaan yang amat bernilai kepada Malaysia dan pelaburannya di Pulau Pinang akan membawa Malaysia lebih hampir untuk menjadi destinasi pelaburan paling kompetitif seluruh dunia.

Najib juga berkata memilih pencahayaan yang bersih adalah satu daripada cara yang paling mudah dan cekap dari segi kos untuk memperlancarkan perubahan iklim.

Merujuk kepada Laporan UN itu, beliau berkata, pencahayaan bertanggungjawab kepada enam peratus pelepasan karbon dunia dan permintaan untuk pencahayaan artifisial telah ditetapkan untuk berkembang 60 peratus dalam tempoh dua dekad akan datang.

-- BERNAMA

Copyright © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=707797>